



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PEJABAT BAHARU JPJ
CAWANGAN BANDAR TASIK SELATAN (BTS)
W.P KUALA LUMPUR**

DI

TERMINAL BERSEPADU SELATAN

PADA

22 JUN 2026 (ISNIN)

3.00 PETANG

Terima kasih, Saudara/Saudari Pengacara

[Salutasi]

- Yang Berhormat **Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail**,
Ahli Parlimen Bandar Tun Razak;
- Yang Berhormat **Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah**,
Timbalan Menteri Pengangkutan;
- Yang Berbahagia **Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan**,
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan;
- Yang Berbahagia **Dato' Aedy Fadly bin Ramli**,
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia;
- Yang Berusaha **Tuan Hamidi bin Adam**,
Pengarah JPJ W.P Kuala Lumpur

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan
Puan-Puan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan dan Agensi;

Rakan-rakan Media;

Hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

KATA ALUAN

1. Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dalam **Majlis Perasmian Pejabat Baharu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Bandar Tasik Selatan (BTS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)** pada petang ini.
2. Majlis ini bukan sekadar acara perasmian bangunan, tetapi melambangkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat.
3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak** kerana sudi meluangkan masa bersama-sama hadir ke majlis pada hari ini. Kehadiran Yang Berhormat adalah amat bermakna bukan sahaja kepada pihak MOT dan JPJ, ianya juga mewakili komitmen tinggi dalam menyokong usaha Kerajaan MADANI **menambah baik tahap kualiti kehidupan penduduk** di dalam kawasan **Parlimen Bandar Tun Razak**.
4. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga JPJ Malaysia atas kesungguhan,

disiplin dan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam memastikan projek ini disiapkan dengan jayanya.

5. Tidak dilupakan juga penghargaan kepada pihak **TMAS Sdn. Bhd.**, **Pihak Berkuasa Tempatan** dan **semua agensi serta pasukan teknikal** yang terlibat, atas kerjasama erat yang menjadi faktor utama kejayaan projek ini.

LATAR BELAKANG

Hadirin Yang Saya Kasihi,

6. Dengan keluasan melebihi 14 ribu kaki persegi, **Pejabat JPJ Cawangan Bandar Tasik Selatan** ini terletak di **Tingkat 3, Terminal Bersepadu Selatan**, menjadikannya lokasi yang amat strategik dan mudah diakses oleh masyarakat setempat.
7. Kerja pindahan telah bermula pada **8 Jun 2026**, dengan pemantauan terusan **MOT dan JPJ**. Ruang pejabat diserahkan kepada JPJ pada **9 Jun 2026**, dan mula beroperasi sepenuhnya pada **22 Jun 2026**. Pematuhan kepada jadual pelaksanaan ini **membuktikan kecekapan tadbir urus** serta kerjasama erat semua pihak yang terlibat.
8. **Pejabat JPJ Cawangan BTS** menggantikan pejabat di **Bandar Sri Permaisuri (BSP)** yang telah beroperasi sejak

tahun 2006. Dengan jumlah kehadiran **mencecah 1,300 pelanggan setiap hari**, pejabat di **BSP** berdepan **kekangan ruang, kemudahan yang terhad** serta **peningkatan permintaan** terhadap perkhidmatan JPJ menjadikan ianya **tidak lagi kondusif** kepada pelanggan.

9. Kerajaan MADANI sentiasa menekankan bahawa setiap perkhidmatan yang disediakan kepada rakyat perlu memenuhi **tiga (3) perkara utama** iaitu **mudah diakses, berkualiti dan berorientasikan pelanggan**. Dalam dunia yang semakin pantas berubah, rakyat mengharapkan perkhidmatan kerajaan yang bukan sahaja cekap, malah **mampu menyesuaikan diri dengan gaya hidup dan keperluan semasa**.

10. Atas sebab itu, pembukaan cawangan ini amat signifikan. Pejabat ini bukan sekadar sebuah pejabat baharu, tetapi merupakan **satu transformasi cara kerajaan mendekati rakyat**. Buat pertama kalinya di Kuala Lumpur, JPJ memperkenalkan **model operasi metropolitan** yang menawarkan perkhidmatan **sehingga jam 10.00 malam** serta **beroperasi tujuh hari seminggu**. Pendekatan ini memberikan lebih **banyak pilihan kepada rakyat** untuk berurusan mengikut **kesesuaian masa** mereka tanpa perlu mengorbankan komitmen pekerjaan atau keluarga.

PENDIGITALAN SATU KEPERLUAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Kerajaan juga komited untuk **memperluas penggunaan teknologi** dalam penyampaian perkhidmatan awam. Saya amat berbesar hati melihat bahawa cawangan ini **mengintegrasikan pelbagai kemudahan digital** termasuk **kiosk layan diri, aplikasi MyJPJ dan penggunaan MyDigital ID**. Pendigitalan bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan. Matlamat kita adalah untuk **mengurangkan kebergantungan kepada urusan fizikal** di kaunter, **mempercepatkan transaksi** dan pada masa yang sama **meningkatkan tahap keselamatan serta integriti sistem** penyampaian kerajaan.
12. Dalam masa yang sama, kerajaan akan terus memastikan **tiada golongan yang tercicir** melalui penyediaan bantuan dan **khidmat sokongan** kepada pelanggan yang memerlukan.

MANFAAT KERJASAMA

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Saya juga melihat pembukaan cawangan ini sebagai satu contoh bagaimana **kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta** boleh menghasilkan impak yang besar

kepada rakyat. Kerjasama antara **JPJ Malaysia** dan **pihak TMAS Sdn. Bhd.** telah membolehkan perkhidmatan kerajaan ditempatkan di lokasi yang strategik dan mudah diakses oleh masyarakat.

14. Pendekatan seperti ini perlu diperluaskan kerana ia membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan kerajaan di **tempat yang mereka kunjungi setiap hari**. Pada masa hadapan, kita akan **memperbanyak inovasi** dan **meneroka pendekatan baharu** bagi memastikan perkhidmatan kerajaan sentiasa selangkah ke hadapan.

AKHIR KATA

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. Kejayaan sesebuah organisasi tidak diukur melalui bangunan yang dimiliki, tetapi melalui **nilai yang diberikan kepada rakyat**.
16. Saya harap JPJ, di bawah pimpinan Ketua Pengarah **YBhg. Dato' Aedy Fadly bin Ramli**, akan **terus menjadi peneraju** dalam memperkenalkan pembaharuan yang memberi manfaat kepada masyarakat serta menyokong agenda transformasi perkhidmatan awam negara.
17. Semoga kemudahan ini menjadi **simbol komitmen kerajaan** untuk terus **mempertingkatkan kualiti**

perkhidmatan kepada rakyat, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

18. Dengan ini, saya sukacitanya, merasmikan **Pejabat Baharu JPJ Cawangan Bandar Tasik Selatan (BTS) W.P Kuala Lumpur.**

Sekian, terima kasih.

[TAMAT]